

Fakulti Perubatan UPM bakal ada hospital

PUTRAJAYA 29 Jun – Fakulti Perubatan Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mempunyai hospital pengajarannya tidak lama lagi khusus bagi menyediakan kemudahan latihan amali bagi penuntut perubatannya.

Perkara itu akan menjadi kenyataan selepas 17 tahun Fakulti Perubatan UPM dibangun-



kan apabila Kementerian Kesihatan bersetuju membina hospital dengan kapasiti 400 katil di kawasan seluas 38.4 hektar bersebelahan Hospital Serdang, yang dijangka siap pada 2018.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramli (**gambar**) berkata, pihak universiti memperoleh RM600 juta daripada kerajaan bagi membina hospital itu yang diharap dapat men-

transformasikan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) sebagai pusat kecemerlangan dan pengajian perubatan untuk melahirkan pakar dan sub-pakar dengan lebih pesat.

“Ketiadaan Hospital Pengajar yang khusus bagi UPM menyebabkan kemajuan pengajian siswazah dalam bidang klinikal tertangguh selain pembangunan program pascasiswa-zah, kepakaran dan sub kepakaran terbatas,” katanya di sini baru-baru ini. - BERNAMA